

B579

MAHATHIR - UNIVERSITI

1982

KUALA LUMPUR, 7 MAC (BERNAMA)--UNIVERSITI ANTARABANGSA ISLAM YANG DICADNGKAN AKAN DITUBUHKAN DI NEGARA INI TAHUN DEPAN DAN TERBUKA BAGI SEMUA PELAJAR DARI BERBAGAI AGAMA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA HARI INI.

KATANYA, TEMPAT UNIVERSITI ITU MASIH BELUM DIPUTUSKAN DAN BUAT PERMULAAN IA AKAN DISELENGGARAKAN DI SEBUAH BANGUNAN TUMPANGAN.

PERDANA MENTERI MEMBERITAHU BAHASA PENGANTAR YANG AKAN DIGUNAKAN IALAH BAHASA INGGERIS DAN ARAB MANAKALA PENTADBIRANNYA MUNGKIN AKAN DIKENDALIKANKAN DALAM BAHASA MALAYSIA.

+PENGENDALIAN PENTADBIRAN UNIVERSITI BERKENAAN BUKAN SAHAJA AKAN DILAKUKAN OLEH KERAJAAN MALAYSIA TETAPI NEGARA-NEGARA ARAB YANG LAIN JUGA AKAN DIPELAWA.+ KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SEKEMBALINYA DARI LAWATAN LAPAN HARI KE NEGARA TELOK DAN JEDDAH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA TELAH PUN MENUBUHKAN SEBUAH JAWATANKUASA BAGI PENUBUHAN UNIVERSITI TERSEBUT DAN AKAN MENGUNDANG NEGARA-NEGARA ISLAM MENGHANTAR WAKIL SUPAYA TURUT MENGGOTAINYA. --BERSAMBUNG 1738/AH

B585

MAHATHIR - UNIVERSITI 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENJELASKAN TENAGA PENGAJAR DI UNIVERSITI ITU JUGA AKAN DIAMBIL DARI NEGARA ISLAM DAN BUKAN ISLAM ASALKAN MEREKA SANGGUP MENGAJAR DAN MENERIMA KONSEP UNIVERSITI ISLAM YANG BERLANDASKAN FALSAFAH ISLAM.

KONSEP UNIVERSITI ISLAM YANG DIMAKSUDKAN IALAH SEPERTI YANG TERDAPAT DALAM SEJARAH ZAMAN KEAGUNGAN ISLAM.

+SUNGGUHPUN INI SATU RANCANGAN BARU, UNIVERSITI TERSEBUT BUKAN KEPUNYAAN MALAYSIA TETAPI DUNIA ISLAM DAN OLEH YANG DEMIKIAN IA TIDAK DAPAT DITAKLUKI KEPADA DASAR NEGARA INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PENUBUHAN UNIVERSITI ITU BERDASARKAN KAEDAH YANG SAMA SEPERTI INSTITUIT ANTARABANGSA YANG LAIN TERMASUK PUSAT SEAMEC DAN PUSAT INSTITUT PERKEMBANGAN PENYIARAN ASIA (AIBD) DI SINI.

KATANYA, PENUBUHAN UNIVERSITI BERKENAAN MENDAPAT SOKONGAN PARA PEMIMPIN NEGARA-NEGARA YANG DILAWATINYA. --BERNAMA 1742/AH